



29 AUG, 2023

## Kerjaya pereka barangan kemas dapat permintaan tinggi

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

## Kerjaya pereka barangan kemas dapat permintaan tinggi

**Kuala Lumpur:** Minat berhias, melabur barang atau perhiasan emas membuatkan kerjaya bidang berkaitan turut menjadi kerjaya tumpuan serta mendapat permintaan tinggi dalam pasaran pekerjaan.

Pensyarah Kanan, Jabatan Seni Reka Logam Halus, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kelantan, Rozita Shamsuddin, berkata barang kemas atau perhiasan diri diperbuat daripada bahan berharga seperti perak dan emas adalah seni warisan masyarakat Melayu.

Katanya, logam itu digunakan sebilangan masyarakat sebagai cagaran hidup untuk menghimpun

pun harta, selain sebagai perhiasan diri kalangan wanita.

"Pereka barang kemas berperanan sebagai pakar mereka bentuk barang kemas dan penghasilan aksesori selepas menerima kursus atau latihan di mana-mana institusi pengajian tinggi awam atau Institusi Kraf-tangan Negara.

"Kalangan mereka ini mempunyai imaginasi dan kreativiti meluas di dalam mereka bentuk barang kemas. Bukan itu sahaja beberapa tahun ini, perkembangan pesat industri barang kemas negara membuatkan kerjaya tukang emas semakin diminati dan popular.

"Kedai emas baharu banyak dibuka seperti di Kelantan dan Terengganu," katanya.

Faktor yang mendorong populariti dan minat terhadap pereka barang kemas kerana lepasan bidang terbabit mahir mereka bentuk perhiasan emas mengikut permintaan pelanggan.

"Mereka juga berupaya melukis lakaran barang kemas secara manual atau komputer, selain dengan kepakaran dimiliki mereka berupaya mengambil pesanan pelanggan melalui tempahan yang memerlukan cadangan atau idea rekaan.

"Mereka boleh membangunkan reka bentuk barang kemas

untuk koleksi kedai atau syarikat," katanya.

Rozita berkata, lulusan bidang seni logam juga sering mengambil bahagian dalam pameran dan pertandingan rekaan barang kemas untuk tujuan promosi dan peningkatan kerjaya.

"Mereka juga mahir memberi khidmat nasihat cadangan konsep dan idea rekaan kepada pelanggan. Jadi kelayakan menjadi pereka barang kemas dengan memperoleh sijil atau diploma atau ijazah sarjana muda dari mana-mana institusi yang menawarkan bidang rekaan barang kemas.

"UiTM satu-satunya IPTA

yang menawarkan bidang pengkhususan rekaan barang kemas pada peringkat ijazah sarjana muda dan diploma," katanya.

Pengajian peringkat sijil boleh diperoleh di IKN atau mana-mana pusat latihan atau akademi sama ada oleh pihak kerajaan atau swasta (syarikat persendirian).

"Kursus dalam reka bentuk rekaan barang kemas adalah kursus kreatif dan menawarkan pemahaman mengenai idea rekaan dan teknik pembuatan perhiasan serta melangkaui pengetahuan di dalam bidang metalurgi, kajian logam, kajian batu permata (gemologi) dan keusahawanan," katanya.



29 AUG, 2023

## Kerjaya pereka barangan kemas dapat permintaan tinggi

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kuala Lumpur: Minat berhias, melabur barang atau perhiasan emas membuatkan kerjaya bidang berkaitan turut menjadi kerjaya tumpuan serta mendapat permintaan tinggi dalam pasaran pekerjaan. Pensyarah Kanan, Jabatan Seni Reka Logam Halus, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kelantan, Rozita Shamsuddin, berkata barang kemas atau perhiasan diri diperbuat daripada bahan berharga seperti perak dan emas adalah seni warisan masyarakat Melayu. Katanya, logam itu digunakan sebilangan masyarakat sebagai cagaran hidup untuk menghimpun

harta, selain sebagai perhiasan diri kalangan wanita.